



29 JAN, 2025

Potensi pelaburan RM11 bilion

SelangorKini, Malaysia



Sektor tenaga boleh baharu dan ekonomi digital

Potensi pelaburan RM11 billion

SHAH ALAM - Kunjungan perdana menteri ke United Kingdom (UK) menarik potensi pelaburan bernilai RM11 bilion dalam pelbagai sektor termasuk tenaga boleh baharu dan ekonomi digital.

Menurut Datuk Seri Anwar Ibrahim, potensi eksport yang bakal dijalankan dalam lima tahun bernilai RM500 juta meliputi produk peralatan dan komponen pesawat, perabot serta makanan dan minuman.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata perkembangan itu menunjukkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap ekonomi negara hasil hubungan erat dengan kerajaan UK, lapor Bernama.

"Nampaknya ada peningkatan mendadak dari segi kesediaan (untuk melabur)," kata beliau pada sidang media bersama media Malaysia yang membuat liputan di sana pada 18 Januari.

Dalam lawatan lima hari termasuk bertemu Perdana Menteri UK Sir Keir Starmer, Anwar mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat termasuk Standard Chartered dan Jaguar Land Rover.

Pertemuan tersebut diselaraskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri.

Menurut Anwar, perdagangan

antara kedua-dua negara dijangka meningkat berikutan penyertaan dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

"Melalui CPTPP, penyertaan dalam kontrak, profesional dan barang lebih mudah dibawa dari Malaysia.

"Syarikat-syarikat besar Malaysia seperti YTL, Tenaga Nasional Bhd, Gamuda, EcoWorld yang melabur dan mempunyai projek besar di sini, akan mendapat faedah," katanya.

Bawah CPTPP, barangan seperti minyak kelapa sawit dan getah Malaysia yang sebelum ini dikenakan tarif 12 peratus dan 6.5 peratus mendapat akses sifar tarif ke pasaran UK.